

**DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DAERAH ALOR GAJAH
NEGERI MELAKA**

**KES MAL 04002-024-0167-2009
KES MAL 04002-016-0168-2009**

ANTARA

XXXXXX

PLAINTIF

DAN

XXXXXX

DEFENDAN

DI HADAPAN

TUAN HAKIM MOHD SAIFUDDIN BIN OTHMAN

ALASAN PENGHAKIMAN

Abstrak

Kes ini merupakan kes permohonan di bawah seksyen 58 dan 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002– Tuntutan Mutaah dan Nafkah Anak – Sama ada permohonan diluluskan atau ditolak.

Bidang kuasa

Berdasarkan seksyen 4, 58 dan 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Mahkamah berpuashati bahawa Mahkamah ini berbidang kuasa untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan kes ini

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Pada peringkat awal perbicaraan, defendan hadir sekali pada 20 Okt 2009 dan bercadang untuk melantik peguam bagi mewakili beliau. Defendan selepas itu gagal menghadirkan diri dan mahkamah telah memutuskan supaya kes dibicarakan tanpa kehadiran defendan memandangkan semua proses penyampaian saman telah disempurnakan kepada beliau.

Mahkamah berpendapat wajar kes diteruskan, walaupun defendan gagal hadir memandangkan proses undang-undang berjalan dengan sempurna.

Ini juga dibenarkan oleh Undang-undang di dalam seksyen 121(1) (b) Enakmen Tatacara Mal 2002 menjelaskan jika apabila mana-mana tindakan dipanggil untuk pendengaran-

(b) defendan tidak hadir mahkamah boleh tertakluk kepada bukti penyampaian wajar mendengar dan memutuskan tindakan itu tanpa kehadirannya.?

Peruntukan seksyen ini jelas memberi kuasa kepada mahkamah untuk meneruskan kes walaupun defendan gagal hadir ke mahkamah ini kerana mahkamah ini beranggapan proses penyampaian saman telah pun disempurnakan kepada defendan. Ini diperkukuhkan lagi dengan kehadiran defendan ke Mahkamah walaupun sekali. Ketidakhadiran defendan tidak menghalang mahkamah ini dari membuat sebarang keputusan terhadap tuntutan yang telah dikemukakan.

Mahkamah juga berpendapat kegagalan defendan hadir seseolah-olah beliau bersetuju dengan tuntutan terhadap beliau, jika beliau tidak bersetuju wajar menghadirkan diri dan menyatakan hasrat beliau itu.

Mahkamah juga beranggapan defendan seolah-olah melambat-lambatkan kes dan mahkamah tidak patut melayan kerenah ini dan mahkamah meneruskan kes ini berdasarkan nas Hukum Syarak diatasnya.

1. Kitab Innah At-Talibin juzuk 4 ms 238 menyatakan harus memberi penghakiman ke atas yang ghaib dari menghadiri iaitu lebih daripada perjalanan jauh, sekali pun yang ghaib itu berada di luar bidangkuasa ketika itu.

Nas ini secara nyata menjelaskan bahawa kegagalan defendan menghadirkan diri ke mahkamah tidaklah menyekat mahkamah ini dari membuat keputusan kes walau pun defendan berada di mana-mana pun.

2. Kitab Mughni Al-Muhtaj juzuk 4 ms 407 menyatakan penghakiman ke atas yang ghaib itu diharuskan jika yang mendakwa (plaintif) mempunyai keterangan dan dakwaan yang mendakwa ke atas yang ghaib itu boleh disangkal.

Nas ini menyatakan harus memberi penghakiman atau keputusan ke atas defendan yang ghaib jika plaintif tersebut mempunyai keterangan bagi menyokong tuntutan ke atas defendan di mahkamah ini.

Mahkamah berpegang kepada nas-nas di atas untuk membolehkan kes ini dibicara tanpa kehadiran defendan dan, semua proses undang-undang telah berjalan dengan sempurna keputusan kes wajar diberikan.

MUTA'AH

Hukumnya adalah wajib

Dalil Al-Quran

241 البقرة سورة المتقين على دقا بالمعروف متاع ولا لمطلقات

Terjemahannya: Dan bagi isteri-isteri yang diceraikan berhak mendapat muta'ah dengan cara yang patut sebagai satu tanggungan yang wajib bagi orang-orang yang bertaqwa.

المدسنين على دقا : الله قال تعالى

Terjemahan : Firman Allah Taala: Muta'ah itu adalah tanggungan yang wajib keatas orang-orang yang Muhsin (Orang yang berbuat kebaikan)

Surah al-Baqarah 237

Kata Dr. Ramadhan Ali as-Sayyid al-Syarnabasyi di dalam kitabnya “ Ahkam al-usrah” muka surat 185 :

ي ف ي د الإ ط ل ا ق ع ن د - الأ ص و ل ع ل م اء ع ن د م ق ر ر ه و ك م ا - الأ ي ة د ل ت ف ق د (الم د س ن ي ن ع ل ي د ق ا) ت ع ا ل ي الله قال ال و ج و ب

Berdasarkan ayat di atas secara umumnya menunjukkan kepada Hukum wajib memberi Muta'ah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Ulama Usul al-Fiqh

صلى) النبى فأتت فاطمة إمرأته المغيرة بن ح فص طلق لماً : قال (عنهما الله رضى) الله عبد بن جابر عن
ولو متعها : قال ، المتاع من بد لا فإنه) : قال ، أمتعها ما أجد لا : قال : متعها : لزوجها ف قال (وسلم عليه الله
ال بهقي رواه . تمر من صاع نصف

Diriwayatkan daripada Jabir bin Abdillah (r.a.h) , Katanya : Bila mana Hafz bin Mughirah mentalaqkan isterinya Fatimah, Fatimah terus menemui Baginda Rasulullah (s.a.w) mengadu hal tentang dirinya yang telah diceraikan oleh suaminya. Bila Baginda Rasulullah (s.a.w) mendengar dakwaan Fatimah itu ,lalu Rasulullah (s.a.w) pun memerintahkan kepada suami Fatimah memberi Muta'ah kepada isterinya.Jawab (suami) Hafz bin Mughirah : Wahai Rasulullah (s.a.w) ,Aku tidak ada apa-apa yang boleh ku berikan kepada isteriku sebagai Muta'ah.Jawab Baginda Rasulullah s.a.w. Awak mesti memberi Muta'ah kepada isteri awak. Sabda rasulullah s.a.w lagi berikanlah Muta'ah kepada isterimu walaupun setengah gantang daripada tamar.

Hadis di atas menunjukkan bahawa pemberian Muta'ah adalah wajib.

Menurut pandangan Imam as-Syirazi didalam kitab “at-Tanbih”

إيجاب في الطلاق حكمه خلع أو لعان أو ردة أو بإسلام الزوج جهة من وردت في رقة كل : التنبيه صاحب قال
المتعة .

“Tiap-tiap perceraian yang datang dari pihak suami samada kerana masuk Islam atau murtad ,Li'an atau khulu' maka hukumnya adalah seperti hukum Talaq pada mewajibkan kepada sisuami memberi muta'ah kepada isterinya yang telah diceraikan.

Menurut pandangan Dr. Ramadhan Ali dengan cara member Muta'ah adalah Ihsan yang dituntut oleh Syara' maka oleh sebab itu pemberian Muta'ah selepas penceraian adalah wajib ketas suami .

Begitu juga Dr Amir Abdul Aziz menyebut didalam kitabnya “ Fiqh al-Kitab Wa al-Sunnah “ jilid 1 ,mukasurat 484 :

بن وسعيد زيد بن وجابر وعطاء عمر وابن عباس بن ذهب وإليه . مطلقة لكل المنة وجوب إلى الشافعية ذهب
. وإسحق وأحمد بن بصري والحسن بن بدير

Ulama Syafiah mewajibkan Muta'ah bagi tiap-tiap Talaq, Pandangan ini disokong dengan pandangan
Abdullah ibnu Abbas , Ibnu Umar, A'ta' , Jabir ibnu Zaid, Said bin Jubir , Hassan al-Basri , Imam Ahmad
dan Imam Ishak.

Muta'ah adalah dinilai berdasarkan keadaan kedua-dua belah pihak.

Menurut kebanyakan Ulama mazhab al-Syafie berpandangan ianya diserahkan kepada Kadhi dalam
menentu kadar Muta'ah

Ini berdasarkan didalam kitab Mazhab Syafie yang bernama:

الناسك وعدة السالك عمدة الفاظ حل في المالك إلا في يضي

بركات عمر السيد العلامة للعالم

ada menyebut seperti berikut:

حصل وإذا ، عليه الزوجان يتراضى ما في (الواجب) بإجتهاده الحاكم يقدره (المال من) شيء وهي : المنة
(التمتع عند إلا إليه يرجع فلا ، الحاكم في يقدره وإلا في ذلك كذا أو كان قد لا شيء على المتراضى

ونسب وإعساره الزوج يسهل من (الزوجين حال) (الواجب الشيء في أي) في (تقديره في) (الحاكم ويهتبر
(السابقة وصفتها المرأة)

Muta'ah ialah sesuatu daripada harta yang ditentukan oleh Hakim dengan Ijtihatnya iaitu harta yang
dipersetujui diantara suami isteri, sekiranya dipersetujui diantara kedua belah pihak , maka itulah kadar

Muta'ah ,manakala sekiranya tidak ada kesepakatan tentang kadar Muta'ah maka Hakim akan menentukan kadar Muta'ah tersebut.

Kaedah Hakim dalam menentukan kadar Muta'ah adalah berdasarkan keadaan suami isteri dari sudut senang dan susahny dan juga kepada keadaan keturunan isteri tersebut dan sifatnya.

Kata Dr.Ahmad Fathi Bahansyi

di dalam kitabnya “ والد قانءون الشريعة بين المءةعة نفقة” mukasurat 61 lagi :

وجهان فيه ؟ ب الزوجة أو ب الزوج يع تبره

ل لأية الزوج ب حال يع تبر أحدها

بها فاء تبر المهر عن ب دل لأنه ب حالها يع تبر وال ثاني

Menurut Pandangan Dr. Ramadhan Ali didalam kitabnya “ Ahkam Al-usrah” mukasurat 183

ل خاطرها وتطية باف يها لها يد لا ب فرقة إياها إيا حاشه الزوج على إيا جابه وسبب

Diantara sebab wajib bagi suami memberi Muta'ah kepada bekas isterinya ialah sebagai tanda halus perasaan suami terhadap bekas isterinya yang tidak membiarkan terlantar begitu sahaja kerana jandanya tidak ada tempat pergantungan dan juga menyukakan hati bekas isteri dengan sebab pemberian tersebut

Begitu juga pandangan Syeikh Zakaria al-Ansari didalam kitabnya “ *Asna-Mathalib* “ jilid ke6 mukasurat 536

“Pemberian Muta’ah ialah untuk menyukakan hati bekas isteri kerana Perceraian itu menyakit hati kebarangkalian ada bisikan ,umpatan terhadap isteri , Oleh itu dengan cara pemberian Muta’ah tersebut menutup segala sangka buruk orang ramai terhadapnya.”

Mahkamah melihat tuntutan ini bertepatan dan menepati kehendak undang-undang iaitu Seksyen 58 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002) iaitu –

Seksyen 58 selain haknya untuk memohon nafkah, seseorang perempuan yang telah diceraikan tanpa sebab yang patut oleh suaminya boleh memohon *mut’ah* atau pemberian saguhati kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh, selepas mendengar pihak-pihak itu dan apabila berpuashati bahawa perempuan itu telah di ceraikan tanpa sebab yang patut, memerintahkan suami membayar apa-apa jumlah wang yang wajar dan adil mengikut hokum syarak.

Nafkah Anak

- i. Surah Al-Baqarah , 2 : 233

بَوْلَدَةٍ لَهُ مَوْلُودٌ وَلَا بَوْلَدِهَا وَالِدَةٌ تُضَارُّ لَا وَسَعَهَا ۖ لَا نَفْسٌ تَكْفُفُ لَا بِالْمَعْرُوفِ وَكِسْوَتُهُنَّ رِزْقُهُنَّ ۖ لَهُ الْمَوْلُودُ وَعَلَى

Maksudnya :

“..dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya”.

Mahkamah melihat alasan ini adalah menepati kehendak undang-undang iaitu Seksyen 73(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002) iaitu –

Seksyen 73(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Dalam Seksyen ini jelas mewujudkan kewajipan nafkah kepada bapa “*sebagai munasabah dan memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupan atau dengan membayar kosnya.*”

Enakmen Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 iaitu –

Seksyen 62. Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan seorang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Hakim bicara telah menyatakan “*apabila tiada persetujuan di atas jumlah, maka menjadi tugas Mahkamah untuk membuat taksiran dengan melihat kemampuan dan keperluan pihak-pihak dengan mengira keadaan nafkah itu berbanding dengan pendapatan seseorang yang terhadapnya perintah nafkah itu dibuat.*”

Mahkamah melihat alasan ini adalah menepati kehendak undang-undang iaitu Seksyen 72(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 iaitu –

Seksyen 73(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Dalam Seksyen ini jelas mewujudkan kewajipan nafkah kepada bapa “*sebagai munasabah dan memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.*”

.

Rangkaikata seseorang **lelaki, nafkah anaknya, munasabah** dan **kemampuan dan taraf kehidupannya** dirujuk dan ia memberi maksud kadar yang harus dibayar/disediakan untuk nafkah anaknya adalah mengikut kemampuan pihak yang menanggung nafkah iaitu ayah atau pihak lain yang boleh dipertanggungjawabkan memberi nafkah mengikut hukum syarak. Pertimbangan juga diambilkira kepada keadaan keperluan anak yang memerlukan nafkah.

Persoalan ini juga dinyatakan di dalam kitab *Al-Fiqh Al-Islami Wa Adillatuh*, Dr Wahbah al-Zuhailiy, Juzuk 7, halaman 1019, iaitu :

Maksudnya : “Fuqaha’ telah bersependapat bahawa sesungguhnya nafkah kerabat seperti anak dan anak kepada anak atau cucu ditetapkan mengikut kadar yang mencukupi merangkumi_roti atau bahan-bahan pelengkap bagi makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan jika ia sedang menyusu. Ia adalah mengikut kemampuan pembiaya dan kebiasaan setempat kerana ia diwajibkan dengan sebab keperluan. Justeru itu ia diukur dengan kadar keperluan. Sabda Nabi s.a.w. “Ambillah (harta Abu Sufian) sekadar yang mencukupi bagi engkau dan anak engkau mengikut cara yang baik.”

Apa yang dimaksudkan ialah taraf kehidupan semua pihak, anak-anak dan bapanya

Dalam kes ini bapa yang berpendapatan sederhana menurut ijihad Hakim dan kehidupan anak juga adalah sederhana, tidak ada keterangan anak iaitu berbelanja lebih dari apa yang diputuskan. Walaupun RM400.00 sebulan anak-anak masih boleh berbelanja kerana tidak mungkin anak yang kecil makan sama banyak dengan yang besar.

Ibu yang diberi amanah dalam urusan anak-anak seharusnya pandai menguruskan pendapatan ini untuk dibelanja hanya kepada anak ini dijaga dengan betul sudah pasti anak akan dapat belanja dengan betul dan mencukupi.

Tetapi jika ibu menggunakan belanja anak-anak untuk keluarga lain sudah pasti ianya tidak cukup dan asas perkara ini ialah Mahkamah menilai berdasarkan keperluan anak dan kemampuan bapa untuk menyara anak.

Mahkamah merujuk kepada Hukum Syarak di atas –

a) Al-Quran surah At-Talak ayat 7 –

Bermaksud – “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberikan nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu) Allah tidak akan memberkati seseorang melainkan sekadar kemampuan yang diberikan Allah kepadanya, (orang-orang yang dalam kesempitan) hendaklah ingat bahawa Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”

b) Sebuah Hadith Riwayat Imam Muslim –

Bermaksud –

“Memadailah seorang itu mendapat dosa apabila dia menahan makanan orang yang ditanggungnya.”

c) Imam Nawawi menjelaskan di dalam *Kitab Raudhah At-Talibin*, Juzuk 9, cetakan 3, 1412h – 1991m, Halaman 85;

“Dan diwajibkan juga memberi nafkah pakaian dan tempat tinggal yang sesuai dengan keadaan semasa / ketika itu”

d) Hadith Riwayat Saidatina A’isyah r.h. yang berkata bahawa Hindun berkata – *“Wahai Rasulullah bahawa Abu Suffian seorang yang kedekut tidak ada baginya saya selamat*

daripada masuk ke rumah saya”, maka jawab Rasulullah “Ambillah apa yang memadai bagi engkau dan anak engkau apa yang sepatutnya.”

Berdasarkan nas Hukum Syarak di atas jelas memberikan hak dan nafkah anak wajib ditanggung oleh bapa dan tidak ada nas bahawa ibu yang menanggung nafkah tersebut. Bapa sebagai orang yang telah diamanahkan oleh Allah s.w.t. tidak akan terlepas tentang tanggungjawab itu sepertimana hadith yang kedua di atas. Oleh itu semua para bapa wajiblah memahami akan tanggungjawab ini supaya dapat menyelamatkan mereka pada hari akhirat kelak.

Berdasarkan keterangan P dan saksi-saksi P, Mahkamah akan memberi ulasan kewajaran keperluan nafkah anak-anak mengikut perkara yang diperlukan oleh anak-anak dan kemampuan D.

Berdasarkan peruntukkan seksyen 73 (1) menjelaskan bahawa keperluan anak yang perlu ditanggung oleh seorang bapa adalah terdiri daripada tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran. P dalam tuntutan nya menuntut kelima-lima jenis keperluan bagi tiga orang anaknya dan Mahkamah akan menentukan sama ada tuntutan terhadap keperluan tersebut wajar dan munasabah. Mahkamah juga akan menentukan keperluan tersebut hanya yang mustahak dan menjadi keperluan asas sahaja dan bukannya keperluan tambahan atau keperluan pilihan.

Keperluan Pelajaran

Melihat keadaan yang berlaku sebelum ini, keperluan pelajaran atau pendidikan adalah perlu bagi anak-anak tersebut. Mahkamah berpandangan maka adalah wajar kos ini ditanggung oleh D namun begitu hanyalah kos pembelajaran di sekolah biasa . Jika pihak P ingin menghantar anak ini ke sekolah yang lebih baik adalah dibawah tanggungan P untuk penambahan kos tersebut kerana yang penting terhadap kos pelajaran atau pendidikan hanyalah mengambil kira pendidikan utama sahaja.

Keperluan Makanan Minum

P dalam keterangannya menuntut belanja harian yang berupa kos makan minum anak termasuk susu anak sebanyak RM 163.00. P menjelaskan bahawa jumlah ini adalah anggaran sahaja dan tiada perincian terhadap jumlah tersebut.

Kos makan minum yang dituntut oleh P adalah keperluan yang utama dan wajar bagi anak-nak tersebut. Berdasarkan keterangan P, kos yang dimohon ini hanyalah bersifat anggaran kecuali mengenai kos susu yang dinyatakan jumlah penggunaan dan harganya. Apabila sesuatu keperluan yang dimohon dibuat atas dasar anggaran maka ia memperlihatkan tiada jumlah yang tetap dan ini berkemungkinan akan wujud lebih dari kadar keperluan. Kebiasaannya anggaran dibuat adalah didasarkan yang mencukupi atau ada lebihan dan anggaran yang selalu dibuat tidak kurang dari jumlah yang diperlukan.

Sepertimana Mahkamah jelaskan sebelum ini, hanya keperluan sahaja yang dipertimbangkan dan bukannya kemewahan. Walaupun dinyatakan bahawa anak masih perlukan susu, maka susu tersebut bukan satu pilihan yang wajar kerana masih terdapat susu jenama lain yang lebih murah harganya daripada susu tersebut.

Keperluan Pakaian

Mahkamah berpendapat bahawa keperluan pakaian adalah wajar dituntut dan amaun yang dituntut oleh P yang menjadi persoalan kerana tuntutan ini berdasarkan keperluan pakaian setiap bulan. Mahkamah kembali kepada peruntukkan dalam Mazhab Syafie yang menetapkan sekurang-kurang nafkah pakaian oleh seorang suami kepada isterinya adalah dua pasang iaitu sepasang untuk musim panas dan sepasang untuk musim sejuk setiap tahun. Hal keadaan ini sama juga kepada peruntukkan pakaian untuk anak-anak. Memandangkan dengan keadaan cuaca bagi negara kita tiada musim panas dan musim sejuk, maka keperluan pakaian bagi anak perlu disediakan sekurang-kurangnya sepasang baju dalam tempoh tiga bulan sekali atau 4 pasang setahun. Maka Mahkamah berpendapat D perlu menyediakan pakaian kepada anak-anak tersebut 3 bulan sepasang.

Bagi keperluan pakaian hariraya ini, Mahkamah tidak dapat mengambil kira keperluan tersebut atas alasan ia merupakan kehendak adat dan tambahan kepada keperluan utama. Masalah anak dari sudut nafkah pakaian masih dapat dipelihara jika hanya keperluan utama sahaja disempurnakan.

Kesimpulannya, bagi keperluan pakaian, maka adalah wajar setiap orang anak mendapat peruntukkan pakaian, 3 bulan sepasang dan tiada pakaian untuk hariraya kerana ia merupakan keperluan tambahan.

Keperluan Perubatan

Mahkamah berpendapat tuntutan P adalah wajar dan D perlu menanggung kos untuk rawatan anak apabila mereka sakit dan rawatan itu sewajarnya di klinik atau pusat perubatan kerajaan.

Persoalan utama yang seterusnya yang harus dipertimbangkan oleh mahkamah adalah kemampuan D menanggung nafkah anak. Kadar kemampuan D juga diambil kira bagi menentukan kadar nafkah anak yang dipertikaikan oleh kedua-dua pihak.

Tiada keterangan P yang menjelaskan secara terperinci tentang pendapatan dan tanggungan D. Mahkamah hanya membuat pertimbangan berdasarkan keterangan D sahaja dan dokumen yang dikemukakan kepada Mahkamah ini. Jika dilihat kepada tanggungan bulan D, ia melebihi separuh daripada pendapatan bulan D. Suka Mahkamah ingatkan bahawa nafkah harus dilakukan mengikut keutamaan dan diberikan mengikut kadar sederhana tanpa pembaziran. Ia juga bagi mengelakkan pendapatan pihak yang bertanggungjawab memberi nafkah digunakan kepada perkara kurang penting menyebabkan orang tanggungannya terabai.

Bagi kes ini, nafkah diri D adalah diutamakan sebelum nafkah orang lain dan selari dengan sabda Nabi s.a.w :

بِذَلِكَ بِدَأْ

Maksudnya : “ Mulakan dengan nafkah terhadap dirimu” (Riwayat Muslim, Kitab Zakat, No. 997)

Kewajipan memberi nafkah kepada orang tanggungannya tidak sama sekali sehingga menyebabkan ia menderita hidupnya dan menyusahkan. Islam mensyariatkan kewajipan tersebut mengikut kemampuan. Atas asas inilah kemampuan D diambil perhatian bagi menilai kadar nafkah tanggungannya. Allah swt. menyatakan asas panduan ini di dalam surah At-Talaq :7 ;

Maksudnya : “Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya”

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

Mahkamah menolak permohonan P agar pembayaran dibuat secara potongan gaji D. Asas penolakan ini boleh disentuh secara ringkas di mana potongan gaji merupakan tindakan penguatkuasaan dan perlaksanaan sesuatu perintah nafkah dan sebagainya. Sebaiknya hendaklah didahului dengan wujudnya sesuatu perintah bayar nafkah terlebih dahulu diikuti perintah potongan gaji sekiranya berlaku keingkaran pembayaran tersebut.

Pembayaran dibuat secara kemasukan wang ke akaun P juga boleh dipertimbangkan oleh Mahkamah kerana cara ini membolehkan nafkah anak dibayar secara tetap

Berdasarkan alasan dan pendapat Mahkamah dalam penghakiman ini, maka adalah dengan ini Mahkamah membuat keputusan seperti berikut :

Keputusan

1. Defendan diperintahkan membayar Mut'ah kepada pihak P sebanyak RM 8,000.00
2. Defenden difardhukan dan diperintahkan membayar nafkah seorang anak iaitu XXXXXX sebanyak RM 350.00 sebulan. Pembayaran secara kemasukan wang ke akaun anak tersebut setiap bulan.
3. Defendan difardhukan dan diperintahkan menyediakan 3 pasang pakaian (baju, kain, tudung dan kasut) untuk persekolahan seorang anak XXXXXX setiap tahun.
4. Defendan difardhukan dan diperintahkan untuk membayar keseluruhan yuran tahunan persekolahan dan perbelanjaan buku-buku serta peralatan sekolah bagi seorang anak iaitu XXXXXX pada @ sebelum 15 Disember setiap tahun.
3. Perintah ini berkuatkuasa mulai dari tarikh perintah ini dikeluarkan sehingga ada perintah lain yang mengubahnya.